

08/06/2001

Mahathir memangku jawatan Bendahari Agung Umno

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini turut memangku jawatan Bendahari Agung parti yang dikosongkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Ini disahkan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Pameran Perdagangan Industri Malaysia ke-15 (ITM) 2001 di The Mines, Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelantikan Bendahari Agung Umno yang baru akan dibuat oleh Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri pada masa sesuai nanti.

"Pada waktu ini, Datuk Seri Dr Mahathir adalah pemangku Bendahari. Pelantikan baru akan dibuat apabila Presiden parti (Dr Mahathir) merasakan pelantikan itu perlu dilakukan," katanya.

Abdullah berkata, jawatan Bendahari Agung dalam Umno yang disandang Daim sejak 1984, tidak mempunyai timbalan, penolong atau pembantu.

Sejak pengesahan Dr Mahathir, Selasa lalu bahawa Daim turut meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan, termasuk sebagai Bendahari Agung Umno, spekulasi turut hangat diperkatakan mengenai penggantinya dalam parti kerana Perhimpunan Agung Umno akan diadakan tidak lama lagi.

Ini kerana jawatan itu tidak mempunyai timbalan. Perhimpunan Agung Umno bermula 19 Jun ini.

Sementara itu, Abdullah menyangkal khabar angin kononnya beliau akan dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi menggantikan Daim.

Katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai siapa pengganti Daim, yang mengosongkan semua jawatan kerajaan dan parti, tetapi kekal sebagai Ahli Parlimen Merbok.

"Mengapa anda (wartawan) tidak tanya Perdana Menteri? Saya tidak ada kaitan dengan pelantikan menteri," katanya apabila ditanya mengenai khabar angin itu.

Daim meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Jumaat lalu. Kini kedua-dua portfolio itu dipangku oleh Dr Mahathir.

Abdullah berkata, soal pelantikan menteri Kabinet adalah hak mutlak Perdana Menteri.

Ditanya bahawa Timbalan Perdana Menteri sebelum ini pernah juga menyandang jawatan Menteri Kewangan, Abdullah sambil berseloroh berkata: "Ya ke... Perdana Menteri pun pernah pegang jawatan Menteri Kewangan (sebelum ini)."

Ini adalah kali kedua Daim meletak jawatan Menteri Kewangan sesudah menyandangnya selama tujuh tahun pada 1991. Beliau kembali menyertai Kabinet sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas pada 1998 dan disusuli pelantikan sebagai Menteri Kewangan dalam rombakan Kabinet pada Januari 1999.

(END)